



KAMARUL dan Fatimah menunjukkan nasi bajet dan minuman yang dijual di UiTM, Shah Alam.

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my
Shah Alam

Walaupun untung hanya dapat mempung duit modal, minyak dan tol namun saya anggap ini usaha membantu pelajar yang kesempitan wang mendapatkan makanan berkhasiat untuk meruskan pengajian," kata Kamarul Arifin Ehsan, 37.

Beliau bersama isteri Fatimah Nur Ahmad Rami, 30, pengusaha nasi bajet untuk pelajar di universiti awam dan swasta sekitar Lembah Klang dengan harga RM4 bagi nasi berlauk dan sebungkus minuman.

Menurut Kamarul, idea menjual makanan dengan konsep semacam itu terciptanya apabila mendengar rintihan ahli keluarga terdekat yang kesempitan wang ketika melanjutkan pengajian khususnya bagi menampung perbelanjaan makanan.

"Tujuan kami bermula nasi bajet bukan mahu untung, tetapi usaha membantu pe-

SUSULAN PELAJAR IKAT PERUT

Nasi bajet RM4

■ Pasangan suami isteri tawar makanan murah terima tempahan 300 bungkus sehari

pelajar supaya tidak perlu mengikat perut untuk makan kerana kesempitan wang.

"Tidak dinafikan harga makanan terutama di kawasan didiami pelajar mahal, tetapi mereka (pelajar) tiada pilihan dan perlu membilinya. Jadi, saya berbincang dengan isteri kae-dah terbaik membantu mereka," katanya di Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini, semalam.

Katanya, pada harga serendah RM4 sebungkus, ia mampu meringankan beban pelajar terutama mereka yang kurang berkemampuan selain tidak mengganggu konsentrasi pengajian.

Kamarul berkata, dia mengeluarkan modal RM1,000

sehari membeli bahan mentah di pasar borong sebelum dimasak dengan bantuan beberapa pekerja dalam kalangan ahli keluarga.

"Sejak memulakan konsep nasi bajet ini seminggu lalu, saya menerima tempahan yang memberangsangkan daripada pelajar yang memang mencari alternatif mendapatkan makanan murah.

"Secara purata, saya menerima tempahan 300 bungkus sehari dan ia diedarkan kepada pelajar yang menempahnya. Menunya pula ialah lauk ayam, sayur dan sambal belacan manakala air ialah teh O ais atau sirap ais. Menu ditukar setiap hari," katanya yang juga bekas chef di sebuah hotel di Pulau Langkawi, Kedah.

Tambahnya, beliau bersama isteri dan ahli keluarga lain turut menjual nasi bajet

FAKTA
Nasi dijual berlauk ayam, sayur, sambal belacan serta air

Juadah murah, kenyang

Shah Alam: "Memang kami terima pinjaman PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional), tapi duit semakin 'nipis' menjelang akhir semester kerana banyak digunakan untuk pengajian.

"Jadi, mahu tidak mahu ada dalam kalangan kami hanya makan sekali atau dua kali sehari kerana mahu berjimat dan memastikan wang pinjaman cukup menampung perbelanjaan sehingga hujung semester," kata Muhammad Hazmi Sallehudin, 25.

Beliau pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini, mengakui nasi bajet antara pilihan utama pelajar berikutnya harganya murah selain lengkap air minuman.

"Nasi bajet menjadi pilihan kami kerana murah dan lebih penting menge-nyangkan. Jika makan dengan menu sama di gerai atau restoran luar,

mungkin mencecah sehingga RM7."

"Ini alternatif kami sebagai pelajar di kampus kerana tidak mahu meminta wang tambahan daripada keluarga yang turut kesempitan wang," katanya, semalam.

Sementara itu, pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia UiTM, Nur Shazwani Ramli, 24, berkata, dia mendapatkan jumlah tempahan daripada rakan sekolehnya yang mahu membeli nasi bajet sebelum dimaklumkan kepada Kamarul.

Menurutnya, jika dulu paling kurang RM10 perlu dibelanjakan sehari untuk membeli makanan tengah hari dan malam, namun kini lebih dengan nasi bajet.

"Saya harap penjualan nasi bajet ini diteruskan kerana membantu pelajar yang kesempitan wang menikmati juadah makan tengah hari dan malam," katanya.



SEKUMPULAN siswi membeli nasi bajet pada harga mampu.

di beberapa universiti sekitar Lembah Klang antaranya Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Selangor (UNISEL).

Beliau berkata, dengan

permintaan menggalakkan, konsep nasi bajet mungkin dikembangkan lagi ke universiti dan kolej sekitar Lembah Klang dan berharap tiada lagi pelajar kelaparan sepanjang pengajian.

Harian Metro baru-baru ini mendedahkan isu pelajar mengikat perut di universiti kerana menghadapi masalah kewangan berikutnya kos sara hidup yang meningkat.